



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA  
SURAT PEKELILING BIL. 2/2020**

18 JUN 2020

**PELAKSANAAN LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN COVID 19 :  
PERATURAN PERMOHONAN DAN PENGUMPULAN MATA POIN *CONTINUOUS  
PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD) BAGI TAHUN 2020***

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengajur dan ahli-ahli yang menganjurkan atau menyertai program CPD semasa usaha berikutan kekangan yang dihadapi oleh semua pihak dalam tempoh semasa dan pasca pandemik Covid-19.

**2.0 LATAR BELAKANG**

Sepertimana semua sedia maklum, berikutan situasi penularan wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyarankan orang ramai mengamalkan penjarakan sosial.

Sehubungan dengan perkara di atas, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) telah melaksanakan inisiatif prihatin dengan menetapkan beberapa peraturan baharu berkenaan permohonan mata poin CPD yang dipohon oleh ahli-ahli dan para pengajur.

**3.0 PERATURAN BAHARU PERMOHONAN MATA POIN CPD**

- 3.1 Permohonan Mata Poin CPD bagi kursus yang dianjurkan secara atas talian adalah dibenarkan.
- 3.2 Tempoh minimum yang ditetapkan bagi setiap kursus adalah empat (4) jam (bersamaan dengan separuh hari).

Sekiranya tempoh kursus yang dianjurkan adalah kurang daripada masa minimum yang ditetapkan, pengajur perlu melaksanakan beberapa siri kursus yang berkaitan bagi memenuhi keperluan empat (4) jam kursus. Pengajur perlu memastikan topik dan kandungan ceramah adalah berkaitan dengan kemahiran teras dan pengetahuan profesi ukur bahan. Tiada sekatan sama ada ianya perlu dilaksanakan oleh seorang

penceramah ataupun beberapa orang penceramah. Peserta hendaklah menyertai setiap siri kursus tersebut untuk layak mendapat poin CPD.

- 3.3 Peraturan 3.2 juga adalah terpakai bagi permohonan kursus satu (1) hari iaitu tempoh minimum kursus adalah lapan (8 ) jam yang bersamaan dengan satu (1) hari.
- 3.4 Pemberian mata poin CPD, fi dan peraturan-peraturan lain kursus secara talian adalah sama seperti permohonan mata poin bagi kursus biasa sebelum ini.
- 3.5 Semakan mata poin CPD seperti yang tertulis di dalam "Category 3" di dalam Jadual Mata Poin CPD boleh dimuat turun melalui laman sesawang LJBM.

#### **4.0 PROGRAM ANJURAN LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2020**

Tiada penganjuran kursus CPD dan QS International Convention (QSIC) bagi tahun 2020.

#### **5.0 PENGUATKUASAAN DAN PERLAKSANAAN**


Ketetapan ini berkuatkuasa daripada tarikh Surat Pekeliling ini dan terpakai ke atas semua permohonan Mata Poin CPD. Sebarang pindaan dalam tempoh penguatkuasaan ini akan dimaklumkan secara daripada semasa ke semasa.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

- Pn Amelia Nur Aine Binti Abdul Rahman di talian 03-26107999 atau emailkan kepada [aine@bqsm.gov.my](mailto:aine@bqsm.gov.my); atau
- Cik Afifah Binti Kamarol Ariffin di talian 03-26107809 atau emailkan kepada [afifah@bqsm.gov.my](mailto:afifah@bqsm.gov.my)

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Benar,



**PROF. (ADJUNG) SR DATO' AZIZ BIN ABDULLAH, CQS**

Yang Dipertua

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tarikh : **18/06/2020**